

Untuk merealisasikan Wawasan

Mandat 25

Oleh AZIZ ISHAK

2020 — Dr. Mahathir

tahun

KUALA LUMPUR 25 Mac — Kerajaan Barisan Nasional (BN) perlu diberi mandat oleh rakyat sekurang-kurangnya bagi tempoh 25 tahun lagi bagi memastikan matlamat menjadikan Malaysia negara maju dan dihormati dunia seperti yang dijanjikan di bawah Wawasan 2020, dapat dipenuhi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, berdasarkan prestasi baik yang dibuktikan oleh BN maka sewajarnya parti gabungan tersebut terus diberi kepercayaan untuk menaikkan martabat negara mengikut corak dan bentuk tersendiri.

Beliau yang juga Pengerusi BN menegaskan, hanya BN yang dapat memenuhi hasrat tersebut untuk kesinambungan kejayaan yang tidak mungkin dapat dilaksanakan oleh parti lain, lebih-lebih lagi parti pembangkang.

"Kita mahu rakyat beri kita 25 tahun sahaja lagi bagi membolehkan BN merealisasikan segala rancangan termasuk Wawasan 2020," katanya semasa berucap merasmikan Konvensyen BN bertemakan *Keadilan Untuk Semua* di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini pagi ini.

Konvensyen pertama kali dalam sejarah BN itu yang dihadiri oleh 3,709 perwakilan daripada 14 parti komponen, dilihat sebagai kemuncak persiapan menjelang pilihanraya umum, yang akan diadakan bila-bila masa sahaja.

Dr. Mahathir berkata, hanya dengan mencapai matlamat tersebut sahaja, BN dapat mengubah status negara ini kepada negara maju yang sekaligus memberi asas kukuh kepada kemajuan yang dapat diwarisi oleh generasi akan datang.

"Saya dan sebahagian pemimpin mungkin tidak ada pada waktu itu. Tetapi kita bukan buat untuk diri sendiri tetapi untuk anak-anak cucu, dan seterusnya generasi kita akan datang demi kekuatan bangsa, negara dan agama," ujar beliau, disambut dengan tepukan bergemuruh para perwakilan.

Perdana Menteri menarik perhatian, tem-

■ Lihat muka 4

Mandat 25 tahun

poh lima tahun (satu penggal pilihanraya) tidak cukup dalam melaksanakan banyak perubahan dan BN perlu terus dipilih dan dipilih lagi.

"Kerajaan yang baik mesti diberi masa dan tidak ada had riwayat," katanya.

Serentak dengan itu, Dr. Mahathir meminta rakyat membuat pilihan yang bijak berasaskan kepentingan jangka panjang dan martabat rakyat serta negara, dan bukan atas perkara-perkara titik bengik.

Menurut beliau, dalam banyak hal, rakyat dianggap bijak tetapi kadang kala berlaku pilihan semasa proses demokrasi, yang kurang bijak disebabkan sentimen yang sempit.

Beliau lantas mempersoalkan apakah wajar rakyat tidak memilih BN dalam pilihanraya hanya kerana jalan di kawasan mereka masih belum diturap, tanpa mengambil kira kejayaan lain yang lebih besar telah dilakukan.

"Bijak atau tidak kita memilih (parti) hanya kerana tar," tanya beliau sambil mendedahkan ada juga kemudahan jalan yang diberikan disalahgunakan sebagai contohnya, dijadikan tempat menjemur padi.

Menurut beliau, sentimen pemilihan seumpama itu boleh merugikan negara seandainya parti yang boleh membawa kemajuan secara keseluruhan, ditolak.

"Ini mencerminkan pandangan yang terhad dan sempit menyebabkan pemilihan yang dibuat tidak bijak," ujarinya.

Dalam hubungan ini, beliau mahu rakyat menolak parti-parti pembangkang yang ada sekarang kerana parti-parti tersebut seperti DAP bukanlah jenis parti pembangkang yang berwibawa.

Menurutnya, kerajaan BN cukup menyedari peranan parti pembangkang kepada kepentingan negara, tetapi ia hendaklah berlandaskan kepada prinsip yang bersesuaian.

Beliau berkata, budaya membangkang apa sahaja yang dilakukan oleh BN sebagaimana yang diamalkan oleh DAP, membuktikan bahawa parti itu tidak harus disokong.

"Pilihlah orang dan parti yang betul bangkang. Ini belum (BN) suarakan, DAP sudah kata *no*," katanya.

Mengenai parti Pas, yang dirujuk oleh Perdana Menteri sebagai "parti satu lagi", beliau berkata, ternyata parti itu bersikap fanatik dengan menggunakan agama untuk kepentingan politik mereka.

Menurutnya, jelas terbukti pendekatan melampau di beberapa negara Islam, menyebabkan negara berkenaan

porak-peranda dengan Islam menjadi semakin lemah, dan inilah yang harus dihindari.

Sehubungan itu, Dr. Mahathir mahukan para pemimpin BN di semua peringkat menasihati rakyat dan memberi fahaman yang betul dalam membuat pemilihan menjelang pilihanraya.

Ini katanya, meliputi soal betapa perlunya sebuah kerajaan yang kuat. Dalam pada itu beliau mahu parti-parti komponen BN menilai semula peranan mereka supaya terus komited dan berorientasikan khidmat untuk rakyat.

Katanya, perkara itu penting kerana selama ini, BN berjaya kerana menerima sokongan dan kerjasama dari rakyat yang yakin atas prestasi dan keupayaan BN berkhidmat.

Menerusi konvensyen sehari ini, kata Perdana Menteri maka para pemimpin BN di semua peringkat sewajarnya menilai semula sikap mereka sama ada mahu mencari pangkat, kedudukan dan taraf atau mahu benar-benar memberi khidmat sebagaimana yang menjadi teras perjuangan.

Komitmen dan tanggungjawab itu tidak harus dilupakan oleh parti-parti komponen BN biarpun sampai bila-bila.

Dalam ucapan hampir sejam setengah itu, Perdana Menteri menyentuh pelbagai perkara yang merangkumi dari soal asal-usul penubuhan BN sehinggalah kepada soal falsafah dan martabat rakyat.

Beberapa kali beliau mengimbas latar belakang BN dari gabungan kecil dua buah parti iaitu UMNO dan MCA di peringkat cawangan di Kuala Lumpur pada tahun 1952 telah membawa kepada penubuhan gabungan parti raksasa yang unik dan paling berjaya di dunia.

Daripada konsep dan falsafah BN inilah, telah membolehkan Malaysia mencapai banyak kemajuan dari segi kestabilan ekonomi, politik dan keharmonian kaum sehingga mengagumkan banyak negara luar.

Bagaimanapun, Perdana Menteri mengingatkan segala-galanya itu akan lenyap jika ia tidak dipertahankan atau dipelihara.

Maka Malaysia mungkin akan menjadi negara pengemis dan tidak lagi akan dihormati serta rakyat akan menjadi miskin, kata beliau.